

24 NOV 2002  
Mahathir-IPF  
BN HARGAI JASA IPF, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap agar parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) akan terus menyokong Barisan Nasional (BN) dalam memajukan negara negara serta memakmurkan rakyat.

Dr Mahathir berkata dalam buku cenderahati sempena Perhimpunan Agung ke 10 parti IPF di sini: "Walaupun IPF bukanlah salah satu daripada parti komponen BN namun semangat dan dedikasi pemimpin serta anggota IPF dalam menyokong BN amatlah dipuji dan dihargai".

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Dr Mahathir berkata, sokongan parti itu kepada BN menunjukkan pucuk pimpinan serta anggota IPF menghargai kejayaan pemerintahan negara di bawah BN serta mensyukuri segala nikmat dan kesenangan sebagai rakyat Malaysia.

"Tidak banyak parti di luar BN yang dapat menghargai serta mengambil sikap positif menyokong BN seperti yang dilakukan oleh IPF.

"Tidak dapat dinafikan bahawa IPF juga telah banyak menolong kejayaan BN semasa pilihan raya umum ataupun pilihan raya kecil, dengan penglibatan anggota IPF dalam kempen," kata Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN.

IPF, yang dipimpin oleh Datuk M.G.Pandithan telah beberapa kali memohon menganggotai BN tetapi mendapat bantahan daripada parti komponen BN lain. Mengikut prosedur BN, sesebuah parti yang ingin menganggotainya perlu mendapat restu daripada kesemua 14 parti komponen lain dalam perikatan itu.

Sementara itu, Abdullah mengakui bahawa IPF masih komited kepada perjuangan BN dan masih berhasrat menganggotai perikatan itu.

Ditanya bila impian IPF untuk menjadi parti komponen BN akan menjadi kenyataan, beliau berkata: " Itu saya tak boleh beri satu jawapan yang jelas."

"Saya amat memahami bahawa IPF masih komited kepada perjuangan BN dan mahu menganggotainya, kita menghargainya tetapi seperti mana yang kita tahu untuk menerima parti baru, perlu mendapat kata sepakat daripada semua parti komponen lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung itu.

"Jadi sementara ada (parti komponen) yang menyokong mungkin ada lagi yang tidak menyokong (penyertaan IPF dalam BN)," katanya.

Masih ada ruang untuk sebuah parti India selain daripada MIC untuk menyertai BN.

-- BERNAMA  
SR RW AZZ PR